


PERJANJIAN PAKATAN HARAPAN



2016



PERJANJIAN PAKATAN HARAPAN

PARTI KEADILAN RAKYAT (KEADILAN)
PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)
PARTI AMANAH NEGARA (AMANAH)

9 JANUARI 2016
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN



Menginsafi keperluan mendesak untuk mewujudkan sebuah pakatan politik yang bersatu padu, progresif dan kuat demi membangunkan, membela dan menyatukan rakyat pelbagai kaum di negara ini mengikut peruntukan dan semangat Perlembagaan Persekutuan, maka

Parti Keadilan Rakyat atau **KEADILAN** yang diwakili oleh Presidennya Dato' Seri Dr Wan Azizah Ismail;

Parti Tindakan Demokratik atau **DAP** yang diwakili oleh Setiausaha Agungnya Saudara Lim Guan Eng; dan

Parti Amanah Negara atau **AMANAH** yang diwakili oleh Presidennya Haji Mohamad Sabu

Dengan ini memeterai satu perjanjian yang dinamakan **Perjanjian Pakatan Harapan** mengenai persetujuan-persetujuan bersama oleh ketiga-tiga parti di dalam perkara-perkara seperti yang terkandung dari mukasurat 1 hingga 15 di dalam dokumen ini.

Mewakili KEADILAN, DAP dan AMANAH, kami berjanji bahawa persetujuan-persetujuan ini akan dihormati, didokong dan dilaksanakan bersama oleh parti-parti kami selagi perjanjian ini berkuatkuasa dan persetujuan-persetujuan di dalamnya adalah mengikat ketiga-tiga parti.

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH
WAN ISMAIL**

Presiden KEADILAN

LIM GUAN ENG

Setiausaha Agung DAP

HAJI MOHAMAD SABU

Presiden AMANAH

Ditandatangani pada hari ini 9 Januari 2016 Masehi bersamaan 28 Rabi' ul-Awal 1437 Hijrah di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



MUQADDIMAH

Matlamat tertinggi sesuatu kerajaan adalah mensejahterakan rakyatnya dengan seadil mungkin merentas batasan bangsa dan ras, menembus sempadan agama dan budaya, melintas ruang dan zaman. Makanya suatu kerajaan yang adil adalah bertuankan rakyat dan memelihara rakyat; fungsinya meluaskan rahmah kepada rakyat yang merangkumi segala matlamat syari'at (maqasid al-shari'ah) termasuk hak asasi manusia, kebebasan, keadilan, persamaan dan apa sahaja yang membawa masalahah (kepentingan) kemanusiaan.

Ini selaras dengan firman Allah di dalam Ayat 107 Surah Al-Anbiya' mafhumnya "Dan tidaklah Kami utus engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat kepada alam seisinya" iaitu satu pernyataan tegas bahawa teras syari'at Islam adalah rahmah dan kasih sayang Tuhan yang inklusif meliputi seluruh warga alam.

Seruan yang sama ke arah menyuburkan kasih kepada seluruh warga alam, membina persaudaraan manusiawi, menegakkan keadilan merentasi batasan, meletakkan yang hak dan menentang kezaliman adalah nilai-nilai sejagat yang dikongsi oleh semua agama, peradaban dan budaya yang membentuk rencam rakyat Malaysia yang pelbagai.

Kontrasnya gagasan rahmah ini (yang sewajarnya menjadi matlamat setiap kerajaan) dengan kebejatan yang berlaku sekarang di dalam masyarakat. Pemimpin tertinggi negara menjadi bahan cemuhan rakyat, tindakan kerajaan bukan dipaksikan kepada kebajikan rakyat tetapi kerakusan mengumpul harta sementara masa mengizinkan. Belum pernah ada sebuah kerajaan Malaysia yang tersohor di serata dunia bukan kerana keilmuan atau kejujuran pemimpinnya tetapi kerana terpalit dengan pelbagai kontroversi rasuah dan penyelewengan.

Rakyat lemas di tengah-tengah kebejatan ini. Rakyat berhak untuk diberi pilihan mengangkat sebuah kerajaan yang bertuankan rakyat dan memelihara rakyat dalam semua aspek kehidupan individu dan bermasyarakat. Tuntutan rakyat yang mahukan sebuah kerangka persefahaman politik yang kukuh dan jelas telah dihadap oleh KEADILAN, DAP dan AMANAH yang



membentuk Pakatan Harapan. Kami sedar tuntutan ini datang dari keyakinan rakyat bahawa gagasan dasar-dasar yang ditawarkan oleh Pakatan Harapan melalui Dasar Bersama Pakatan Harapan hanya boleh dilaksanakan dengan tersusun dan berkesan bila terbinanya kesatuan politik yang utuh di antara KEADILAN, DAP dan AMANAH. Bahawa kesatuan politik itu adalah pra-syarat kepada sebuah pakatan politik yang bersatu padu, progresif dan kuat yang boleh membangun dan membela rakyat.

Justeru, Perjanjian Pakatan Harapan ini lahir dari sifat tawadhu' dan keinsafan ketiga-tiga parti untuk membina kesatuan politik bersama demi membangun dan membela rakyat. Kesediaan KEADILAN, DAP dan AMANAH mengeneppikan perbezaan, mencapai kompromi dan mendepankan prinsip-prinsip dalam memuktamadkan Perjanjian Pakatan Harapan adalah lambang kematangan politik yang dibawa oleh Pakatan Harapan. Perjanjian ini adalah satu-satunya perjanjian seumpamanya di dalam sejarah negara kita yang bakal membawa harapan baru kepada rakyat.

Perjanjian ini akan memudahkan perjalanan Pakatan Harapan dan meliputi perkara-perkara asas untuk membolehkan Pakatan Harapan berfungsi secara berkesan iaitu:

- i. prinsip dalam membuat keputusan bersama;
- ii. pembinaan kesatuan politik;
- iii. prinsip dalam menyelesaikan pertikaian;
- iv. dasar-dasar bersama;
- v. perjalanan pilihanraya;
- vi. perjalanan kerajaan dan pembangkang; dan
- vii. keabsahan pakatan

Prinsip saling hormat menghormati, saling mematuhi keputusan bersama dan saling memupuk perpaduan yang dipersetujui di dalam perjanjian ini bakal menjadikan Pakatan Harapan sebuah pakatan politik yang bersatu padu, progresif dan kuat demi membela dan menyatu padukan rakyat pelbagai kaum.



FASAL 1: KEPUTUSAN BERSAMA

- 1.1 Fasal 1 Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip dalam membuat keputusan bersama oleh ketiga-tiga parti dan organ-organ yang diwujudkan untuk melaksanakan keputusan yang diambil oleh Pakatan Harapan.
- 1.2 Segala keputusan bersama adalah berasaskan prinsip konsensus iaitu setiap parti di dalam Pakatan Harapan perlulah bersetuju sebulat suara dengan keputusan itu. Jika keputusan bersama secara konsensus telah dicapai, keputusan itu dikira mengikat ketiga-tiga parti. Sebarang pelanggaran kepada keputusan itu boleh disifatkan sebagai pelanggaran perjanjian ini yang perlu diputuskan mengikut kaedah yang dihuraikan di dalam Fasal 7: Keabsahan Pakatan.
- 1.3 Memahami bahawa setiap parti mempunyai sejarah dan asas perjuangan yang tersendiri, maka setiap parti masing-masing adalah bebas untuk membuat keputusan sendiri, menggubal dasar-dasar sendiri atau mengambil pendirian sendiri dalam semua perkara selagi keputusan, dasar-dasar atau pendirian itu tidak bercanggah dengan perjanjian ini dan Dasar Bersama Pakatan Harapan seperti yang dipersetujui mengikut Fasal 4: Dasar- Dasar Bersama.
- 1.4 Sebarang perbezaan pendapat atau pertikaian yang timbul akibat peruntukan Fasal 1.3 adalah tertakluk kepada semangat saling hormat menghormati di antara ketiga-tiga parti seperti yang dihuraikan di dalam Fasal 2: Pembinaan Kesatuan Politik dan hendaklah diselesaikan mengikut kaedah dan prinsip yang dihuraikan di dalam Fasal 3: Penyelesaian Pertikaian.
- 1.5 Badan pembuat keputusan tertinggi Pakatan Harapan adalah Majlis Presiden yang merupakan forum yang dianggotai pimpinan tertinggi dari ketiga-tiga parti. Jumlah keanggotaan Majlis Presiden dipersetujui bersama oleh ketiga-tiga parti mengikut kesesuaian semasa. Majlis Presiden memilih seorang ahlinya yang diyakini dapat memimpin Majlis Presiden untuk menguruskan mesyuarat Majlis Presiden mengikut kesesuaian semasa.



- 1.6 Majlis Presiden bertanggungjawab menetapkan haluan dan memutuskan perkara-perkara besar berbentuk dasar dan strategi bersama. Majlis Presiden berhak mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa seperti Jawatankuasa Dasar, Jawatankuasa Pilihanraya, Jawatankuasa Penerangan atau jawatankuasa-jawatankuasa lain untuk membantu melicinkan perjalanan Pakatan Harapan. Majlis Presiden hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua bulan atau mana-mana tempoh yang dipersetujui bersama.
- 1.7 Badan pelaksana Pakatan Harapan adalah Majlis Setiausaha yang dianggotai oleh Setiausaha Agung KEADILAN, Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP dan Setiausaha Agung AMANAH. Setiap parti mencalonkan wakil-wakil untuk menganggotai Majlis Setiausaha yang jumlah keanggotaannya dipersetujui bersama oleh ketiga-tiga parti mengikut kesesuaian semasa. Majlis Setiausaha memilih seorang ahlinya yang diyakini dapat memimpin Majlis Setiausaha untuk menguruskan mesyuarat Majlis Setiausaha mengikut kesesuaian semasa.
- 1.8 Majlis Setiausaha bertanggungjawab melaksanakan keputusan-keputusan Majlis Presiden seperti peruntukan Fasal 1.6 dan menyelaraskan perjalanan semua jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Presiden. Majlis Setiausaha hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua bulan atau mana- mana tempoh yang dipersetujui bersama.
- 1.9 Majlis Presiden hendaklah melantik seorang Ketua Setiausaha Pakatan Harapan yang bertanggungjawab mengetuai urusan pentadbiran dan organisasi harian Pakatan Harapan yang dikendalikan oleh sebuah Sekretariat Pakatan Harapan yang beliau ketuai. Sekretariat Pakatan Harapan bertanggungjawab melicinkan perjalanan Majlis Presiden dan Majlis Setiausaha serta menguruskan pelaksanaan keputusan-keputusan Majlis Presiden dan Majlis Setiausaha. Ketua Setiausaha adalah setiausaha kepada Majlis Presiden dan Majlis Setiausaha.



FASAL 2: PEMBINAAN KESATUAN POLITIK

- 2.1 Fasal 2 Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip kerjasama di antara ketiga-tiga parti berasaskan semangat saling hormat menghormati untuk memupuk perpaduan dan membina kesatuan politik di antara ketiga-tiga parti.
- 2.2 Setiap anggota dan pimpinan dari setiap parti di pelbagai peringkat mestilah menghormati dasar-dasar dan pendirian parti lain selagi dasar-dasar dan pendirian itu tidak bertentangan dengan keputusan bersama dan Dasar Bersama Pakatan Harapan seperti yang dihuraikan di dalam Fasal 1.2 dan Fasal 1.3.
- 2.3 Sebarang perbezaan pendapat, percanggahan, ketidakpuasan hati atau bantahan dari satu parti terhadap parti lain perlu disuarakan mengikut saluran dalaman Pakatan Harapan untuk diselesaikan secara bersama di dalam Pakatan Harapan. Setiap parti berhak membawa sebarang isu mengenai parti lain di peringkat Majlis Presiden atau Majlis Setiausaha atau mana-mana majlis atau jawatankuasa bersama yang dianggotai oleh ketiga-tiga parti di mana-mana peringkat bagi tujuan Fasal 2.3 ini.
- 2.4 Sekiranya ada aduan terhadap anggota atau pemimpin satu parti oleh parti lain kerana tidak mematuhi peruntukan Fasal 2.3; aduan tersebut hendaklah ditangani mengikut prinsip dan kaedah yang ditetapkan di dalam Fasal 3: Penyelesaian Pertikaian.



FASAL 3: PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 3.1 Fasal 3 Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip tolak ansur di antara ketiga- tiga parti dan prinsip tiada campur tangan di dalam urusan parti masing-masing yang digunakan untuk menetapkan kaedah-kaedah menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul di dalam Pakatan Harapan.
- 3.2 Setiap anggota dari setiap parti berhak membuat aduan terhadap anggota dari parti lain di dalam Pakatan Harapan sekiranya perbuatan anggota parti lain itu melanggar peruntukan-peruntukan Fasal 2.2 dan Fasa 2.3 sehingga mengakibatkan kerugian, memalukan atau mencemar nama baik anggota atau parti yang membuat aduan itu. Aduan perlu dibawa melalui saluran parti masing-masing yang mempertimbangkan kewajaran membawa aduan itu ke peringkat Pakatan Harapan. Aduan hanya dibawa ke peringkat Pakatan Harapan setelah diputuskan oleh parti masing-masing dan tidak boleh dibawa oleh anggota individu.
- 3.3 Sebuah Badan Perantara dilantik oleh Majlis Presiden untuk mengendalikan aduan-aduan mengikut Fasal 3.2. Badan Perantara ini dianggotai oleh seorang wakil dari setiap parti. Wakil yang dicalonkan parti masing-masing mestilah seorang yang berpengalaman, berkedudukan tinggi di dalam hirarki parti dan mempunyai hubungan baik dengan parti-parti lain di dalam Pakatan Harapan. Ketua Setiausaha Pakatan Harapan berfungsi sebagai setiausaha kepada Badan Perantara.
- 3.4 Fungsi utama Badan Perantara adalah untuk mendamaikan pihak yang mempunyai pertikaian di dalam Pakatan Harapan dengan mencari penyelesaian yang paling adil kepada pihak dan parti terbabit setelah aduan mengikut Fasal 3.2 dirujuk kepadanya. Dalam mencari penyelesaian yang paling adil itu, Badan Perantara akan mengambil kira prinsip-prinsip berikut:
 - 3.4.1 Langkah-langkah telah diambil oleh pihak terbabit untuk menyelesaikan pertikaian secara dalaman di peringkat Pakatan Harapan;



FASAL 3: PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 3.4.2 Kecenderongan pihak yang diadu dan pihak yang mengadu sama ada berniat jahat atau tidak;
 - 3.4.3 Bentuk pertikaian iaitu sama ada ia berbentuk perbezaan pendapat mengenai dasar-dasar, cemuhan peribadi, taktik politik dan lain-lain bagi menentukan Fasal 3.4.2;
 - 3.4.4 Kesan dari segi tercemarnya nama baik pihak yang mengadu akibat dari tindakan yang dibuat oleh pihak yang diadu
- 3.5 Badan Perantara boleh membuat cadangan kepada parti yang diadu sekiranya ada tindakan-tindakan yang wajar diambil untuk menyelesaikan pertikaian yang dibawa oleh pihak yang mengadu setelah meneliti semua perkara mengikut Fasal 3.4. Keputusan untuk melaksanakan tindakan-tindakan yang dicadangkan oleh Badan Perantara atau untuk melaksanakan tindakan-tindakan yang lain adalah tertakluk kepada kebijaksanaan dan hemah parti masing-masing.



FASAL 4: DASAR-DASAR BERSAMA

- 4.1 Fasal 4 Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip asas dalam membentuk Dasar Bersama Pakatan Harapan.
- 4.2 Dasar Bersama Pakatan Harapan adalah dasar-dasar, ketetapan, perancangan, pendekatan pentadbiran dan program-program yang menjadi landasan kepada perjuangan Pakatan Harapan dalam segenap bidang.
- 4.3 Dasar Bersama Pakatan Harapan adalah kerangka dasar yang akan dilaksanakan oleh pentadbiran Pakatan Harapan di semua peringkat dan dipersetujui secara konsensus seperti dihuraikan di dalam Fasal 1: Keputusan Bersama.
- 4.4 Dasar Bersama Pakatan Harapan dipersetujui dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian semasa dengan berpandukan kepada peruntukan dan semangat Perlembagaan.
- 4.5 Dasar Bersama Pakatan Harapan dibangunkan dengan mengambil kira muafakat ketiga- tiga parti di dalam perkara-perkara berikut:
 - 4.5.1 Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di di negara ini sejajar dengan Perkara 3; serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputra Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum- kaum lain sejajar dengan Perkara 153;
 - 4.5.2 Mempertahankan peranan dan tanggungjawab institusi Raja berperlembagaan;
 - 4.5.3 Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sejajar dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan memperluaskan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan lingua franca serantau, melindungi dan memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda semua kaum, serta meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris demi memperbaiki daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa; dan



- 4.5.4 Memperakui dan mengiktirafkan kedudukan Sabah dan Sarawak di dalam Persekutuan Malaysia selaras dengan peruntukan dan semangat Perjanjian Malaysia 1963.

- 4.6 Dalam membangunkan dan mengemaskini Dasar Bersama Pakatan Harapan seperti di dalam Fasal 4.4, Pakatan Harapan akan mengambil pendekatan inklusif dengan merundingi semua pihak seluas mungkin termasuklah mengambil kira pandangan institusi awam, institusi agama, kumpulan masyarakat sivil, wanita, pekerja, mahasiswa, belia, professional, kumpulan minoriti dan sebagainya.



FASAL 5: PERJALANAN PILIHANRAYA

- 5.1 Fasal 5 Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip yang mengikat keputusan parti-parti Pakatan Harapan yang bersabit dengan pilihanraya di semua peringkat.
- 5.2 Pakatan Harapan akan meletakkan satu calon sahaja untuk mewakili Pakatan Harapan di dalam sesuatu pilihanraya di mana-mana peringkat. Calon tersebut akan dipilih oleh parti masing-masing yang diberi kepercayaan oleh Majlis Presiden untuk mewakili Pakatan Harapan di dalam pilihanraya tersebut.
- 5.3 Dalam memutuskan parti mana yang akan mewakili Pakatan Harapan seperti di dalam Fasal 5.2, Majlis Presiden perlu mempertimbangkan faktor parti manakah yang mempunyai kebarangkalian yang paling tinggi untuk menang di dalam pilihanraya tersebut.
- 5.4 Sebuah Jawatankuasa Pilihanraya bertanggungjawab merundingkan agihan kerusi bagi setiap pilihanraya di antara ketiga-tiga parti bagi membantu Majlis Presiden membuat keputusan seperti di dalam Fasal 5.3. Jawatankuasa Pilihanraya dianggotai oleh Pengarah Pilihanraya dari setiap parti dan wakil-wakil lain yang dilantik oleh parti masing-masing mengikut jumlah yang ditetapkan oleh Majlis Presiden.
- 5.5 Sebarang pengumuman muktamad mengenai parti yang bertanding di mana-mana kerusi di mana-mana peringkat hanya dibuat oleh Majlis Presiden dan setiap parti tidak boleh membuat pengumuman bertanding di sesuatu kerusi di mana-mana peringkat tanpa persetujuan Majlis Presiden.
- 5.6 Sebarang pertikaian mengenai pembahagian kerusi di mana-mana peringkat di bawah Fasal 5: Perjalanan Pilihanraya akan dibincangkan dan diselesaikan di peringkat Majlis Presiden.
- 5.7 Mana-mana parti di dalam Pakatan Harapan tidak akan berunding secara bersendirian dengan parti yang tidak berada di dalam Pakatan Harapan mengenai apa-apa perkara bersabit pilihanraya kecuali dengan dimaklumkan kepada Majlis Presiden terlebih dahulu.



- 5.8 Mana-mana parti di dalam Pakatan Harapan tidak akan berunding secara bersendirian dengan parti yang tidak berada di dalam Pakatan Harapan mengenai apa-apa perkara selepas pilihanraya termasuklah pembentukan kerajaan atau pentadbiran kecuali dengan dimaklumkan kepada Majlis Presiden terlebih dahulu.



FASAL 6: PERJALANAN KERAJAAN DAN PEMBANGKANG

- 6.1 Fasal 6 Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip yang mengikat wakil-wakil setiap parti Pakatan Harapan yang menganggotai kerajaan atau pentadbiran Pakatan Harapan di setiap peringkat atau pun wakil-wakil setiap parti Pakatan Harapan yang menganggotai blok pembangkang di dalam kerajaan atau pentadbiran di setiap peringkat.
- 6.2 Sesebuah kerajaan atau pentadbiran di mana-mana peringkat dikira sebagai kerajaan atau pentadbiran Pakatan Harapan sekiranya majoriti mudah yang dicapai untuk membentuk kerajaan atau pentadbiran itu terdiri dari wakil-wakil dari parti-parti Pakatan Harapan.
- 6.3 Kerajaan atau pentadbiran Pakatan Harapan di mana-mana peringkat menjunjung sepenuhnya prinsip pengasingan kuasa di antara cabang eksekutif, perundangan dan kehakiman.
- 6.4 Perjalanan kerajaan atau pentadbiran Pakatan Harapan di setiap peringkat adalah tertakluk kepada Dasar Bersama Pakatan Harapan seperti yang dihuraikan di dalam Fasal 4: Dasar-Dasar Bersama.
- 6.5 Perjalanan blok pembangkang di kerajaan atau pentadbiran yang bukan dibentuk oleh Pakatan Harapan di setiap peringkat adalah tertakluk kepada Dasar Bersama Pakatan Harapan seperti yang dihuraikan di dalam Fasal 4: Dasar-Dasar Bersama.
- 6.6 Pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan akan diketuai oleh seorang Perdana Menteri yang dipilih mengikut kaedah seperti yang dihuraikan di dalam Fasal 1: Keputusan Bersama tertakluk kepada Fasal 6.4. Wakil-wakil dari parti-parti Pakatan Harapan yang membentuk kerajaan Persekutuan itu akan memberi sepenuh kerjasama dan sokongan untuk melicinkan pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan.



- 6.7 Pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan di peringkat negeri-negeri akan diketuai oleh seorang Menteri Besar atau Ketua Menteri yang dipilih mengikut kaedah seperti yang dihuraikan di dalam Fasal 1: Keputusan Bersama tertakluk kepada Fasal 6.4. Wakil-wakil dari parti-parti Pakatan Harapan yang membentuk kerajaan negeri itu akan memberi sepenuh kerjasama dan sokongan untuk melicinkan pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan. Sebarang pertikaian mengenai pentadbiran di peringkat kerajaan negeri yang ditadbir oleh Pakatan Harapan akan diselesaikan di peringkat negeri itu.
- 6.8 Pentadbiran dan keputusan yang diambil oleh blok wakil-wakil Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan atau negeri atau mana-mana peringkat akan diketuai dan diuruskan oleh whip setiap parti yang akan berunding dengan whip dari parti-parti lain tertakluk kepada Fasal 6.3, Fasal 6.4, Fasal 6.5, Fasal 6.6 dan Fasal 6.7.



FASAL 7: KEABSAHAN PAKATAN

- 7.1 Fasal 7 Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip yang digunakan untuk menentukan status Pakatan Harapan atau parti atau parti-parti di dalam Pakatan Harapan sekiranya ada pelanggaran mana-mana perkara yang telah dipersetujui di dalam Perjanjian Pakatan Harapan ini.
- 7.2 Sekiranya tindakan yang dibuat oleh satu parti secara jelas telah melanggar mana-mana perkara di dalam Perjanjian Pakatan Harapan ini dan keputusan bahawa tindakan itu melanggar Perjanjian Pakatan Harapan telah dipersetujui secara bersama oleh kesemua parti yang lain di dalam Pakatan Harapan, kesemua parti lain itu secara sebulat suara berhak membuat keputusan untuk menggugurkan keanggotaan parti yang membuat tindakan yang melanggar Perjanjian Pakatan Harapan itu dari Pakatan Harapan.
- 7.3 Status Pakatan Harapan sebagai sebuah muafakat politik di antara parti-parti hanya boleh diumumkan oleh Majlis Presiden.

TAMAT



DITERBITKAN OLEH SEKRETARIAT PAKATAN HARAPAN 2016